

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Malaysia mungkin mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel jika rejim Tel Aviv itu membuktikan keikhlasan dan kejujurannya untuk berdamai dengan rakyat Palestin dan negara-negara Arab lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita tidak mempunyai satu pendirian bahawa walaupun sebuah negara itu sudah berbaik-baik, tidak menqquit sesiapa, maka kita masih juga terus dengan dasar yang lama," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Pemimpin Muda Asia Timur yang pertama di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan pemberita sama ada Malaysia akan mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Yahudi itu berikutan perkembangan terbaru di Asia Barat.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya jika negara Arab lain (seperti Jordan) boleh mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel, "kenapa kita tidak"?

"Kita tidak ada satu pendirian yang begitu keras sehingga apa juga yang dibuat oleh pihak lain kita tidak ambil kira," kata beliau. -- Lagi

▼05/08/18-24MST

▲ CNS6638

U GB 05-08 00151 BB209

aab

Mahathir - Israel 2 Kuala Lumpur

Mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Dr Mahathir berkata EAEC bukanlah sebuah blok perdagangan seperti anggapan Amerika Syarikat, tetapi sebuah forum bagi negara-negara Asia Timur untuk membincang mengenai perkara-perkara kepentingan bersama.

"Sudah pasti, negara-negara Asia Timur boleh berbincang dengan satu sama lain tanpa kehadiran Amerika," kata Perdana Menteri sebagai menjawab soalan pemberita mengenai penerimaan Amerika terhadap EAEC.

Dr Mahathir berkata EAEC telah mendapat tentangan yang tidak sewajarnya pada hal perundingan itu adalah "sebuah forum yang tidak memudaratkan".

Dr Mahathir mengulangi bahawa EAEC bukanlah sebuah blok perdagangan yang akan mengasingkan negara-negara lain dari berdagang dengan negara-negara Asia Timur.

Terdahulu, ketika menyampaikan ucapan perasmian kongres itu, Dr Mahathir menggariskan tujuh alasan mengapa EAEC perlu diwujudkan, dengan berkata ia adalah penting "memandangkan kespen pembbohongan dan maklumat salah yang sengaja diberikan mengenai perundingan itu". -- Lagi

▼05/08/19-00MST

CNS6642

U GB 05-08 00142 BB210

aab

Mahathir - Israel 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau mengulangi bahawa antara lainnya, EAEC akan menjadi sebuah forum perundingan yang longgar bagi Asia Timur dan yang demikian ia perlu mempunyai kedua-dua agenda serantau dan luar-rantau.

"Bagi agenda serantau, negara-negara Asia Timur perlu mengadakan perjumpaan peringkat menteri untuk membincangkan bagaimana kita boleh meningkatkan kerjasama ekonomi serantau manakala agenda luar-rantau, kita perlu membincangkan bagaimana kita dapat bekerjasama bagi memastikan satu sistem perdagangan dan ekonomi dunia yang sihat, terbuka dan tidak bersifat melindungi," katanya.

Satu lagi alasan ialah negara-negara Asia Timur perlu menjadi pejuang perdagangan yang bebas dan adil.

Negara-negara Asia Timur perlu mempunyai keazaman untuk menjadi model bagi kerjasama tulen Utara-Selatan, dan sebarang kerjasama yang diusahakan hendaklah diasaskan kepada prinsip saling menguntungkan, saling hormat-menghormati, egalitarianisme, musyawarah dan demokrasi. -- Bernama.